

05 JAN 1997

Shahidan-Usahasama

CADANGAN USAHASAMA PERLIS-MINDANAO MEMPROSES SEKAM PADI

KANGAR, 5 Jan (Bernama) -- Perlis bercadang mewujudkan kerjasama dengan Wilayah Mindanao, di Filipina dalam usaha memajukan industri memproses sekam padi secara kitaran semula di sini.

Menteri Besar, Datuk Seri Shahidan Kassim berkata, dalam pertemuannya dengan Gabenor Wilayah Autonomi Islam Mindanao, Nur Misuari di Mindanao minggu lepas, beliau membincangkan soal perlunya kedua-dua pihak mewujudkan usahasama dalam bidang-bidang yang boleh dimajukan.

"Saya dapati banyak perkara yang dibuat di sana yang boleh kita pelajari dan juga sebaliknya," katanya kepada pemberita di sini, hari ini.

Beliau berkata sebagai contoh, kerajaan wilayah Mindanao berjaya mengerakkan penduduknya melibatkan diri dalam industri secara kecil-kecilan iaitu mengusahakan sekam padi yang dibuang untuk dijadikan papan lapis dan makanan binatang.

Sedangkan di Malaysia terutamanya di Perlis, sekam tidak digunakan sepenuhnya kecuali Syarikat Padi dan Beras Nasional (BERNAS) baru-baru ini menggunakan sekam padi untuk membuat jubin, katanya.

"Bagaimanapun, ia masih tidak digunakan sepenuhnya dan sekam dibuang merata-rata sehingga boleh menjejaskan alam sekitar," katanya.

"Oleh yang demikian saya mencadangkan supaya sekam padi diproses untuk mengaut keuntungan dan teknologi itu boleh dipelajari daripada pihak Mindanao," katanya.

Menurut beliau, walaupun wilayah itu miskin namun masih ada sumber tertentu yang boleh dimajukan secara usahasama.

Shahidan berkata, beliau dimaklumkan oleh pihak BERNAS bahawa syarikat berkenaan akan melabur di beberapa projek di Perlis dan selepas itu akan memasarkan barangan yang dihasilkan ke Mindanao.

Sehubungan itu beliau berharap kerajaan negeri dapat turut serta dalam projek usahasama yang bakal diadakan.

Menurut beliau, Misuari juga memohon supaya Perlis dapat membantu mereka mewujudkan pajak gadai Islam di Mindanao.

"Saya tidak ada masalah dan saya akan meminta kebenaran daripada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk itu selaras dengan usaha Yayasan Islam Perlis memperluaskan pajak gadai Islamnya ke negeri lain," katanya. -- BERNAMA

IQ PR